



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Pegawai Undang-Undang Gred L9
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
2. Bilangan Kekosongan : 1 jawatan
3. Jadual Gaji : RM2,250.00 hingga RM11,110.00
4. Syarat Lantikan :
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - iii. Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - iv. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00); atau
 - v. Sijil Amalan Guaman. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00); atau
 - vi. *Barrister-at-law-England*. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00); atau
 - vii. *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9: RM2,580.00).
5. Taraf Jawatan :
 - i. Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (interim) selama 3 tahun sebelum dilantik tetap; atau
 - ii. Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Undang-undang Gred L9 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas : i. Menyediakan pandangan perundangan kepada Ketua Eksekutif dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan mengenai perkara-perkara berkaitan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) serta mana-mana Akta lain yang berkaitan.
- ii. Membantu dalam membentuk dan membuat dasar mengenai pelaksanaan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738).
- iii. Menggubal atau meminda undang-undang utama, undang-undang subsidiari dan peraturan-peraturan bagi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.
- iv. Mempertingkatkan kefahaman mengenai Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) di kalangan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.
- v. Mengendalikan kes-kes pendakwaan dan kompaun bagi kesalahan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738).
- vi. Menyelaraskan kesalahan kompaun di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan undang-undang subsidiari berkaitan pengkompaunan.
- vii. Menyelia dan menyemak kertas siasatan yang dikemukakan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan membawa ke hadapan Timbalan Pendakwa Raya untuk Izin Mendakwa.
- viii. Menjalankan penyelidikan dan penyemakan undang-undang dan peraturan di bawahnya dari semasa ke semasa.
- ix. Memberi pandangan dan menyediakan draf ulasan kepada Memorandum Jemaah Menteri bagi hal ehwal perundangan untuk kelulusan Ketua Eksekutif.
- x. Menyemak dan menyediakan segala dokumen perjanjian dan dokumen yang ada kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh Ketua Eksekutif bagi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.
- xi. Sebagai perantara bagi pihak Kementerian dalam kes-kes sivil yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Pegawai Undang-Undang - memfailkan tindakan bagi pihak Kerajaan sebagai yang menuntut, dan
- xii. Sebagai perantara bagi pihak Kementerian dalam kes-kes sivil yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Pegawai Undang-Undang - tindakan di mahkamah apabila pihak Kerajaan dituntut.

8. Cara Memohon : Pemohon dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan dan memuat naik dokumen melalui pautan di bawah.

<https://forms.gle/5aoQvhKgv5yLXshF9>

Atau scan QR kod berikut;



Peringatan

Sila isi borang di **LAMPIRAN A - Permohonan Jawatan Tetap / Contract Of Service (COS)** kemudian muat naik borang ini semasa mengisi *google form* pautan di atas.

- i. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- ii. Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- iii. Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : **29 Julai 2026 (Rabu) jam 3.00 petang**

NURUL AINI BINTI SURIP

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 15 Julai 2026



**SILA
LEKATKAN
GAMBAR**

Sila isi borang dengan lengkap dan teliti

1. Nama Penuh (HURUF BESAR) :
2. Jantina : Lelaki/ Perempuan* Agama :
3. Keturunan : Tarikh Lahir :
4. Tempat Lahir : No. Surat Beranak :
5. No. Kad Pengenalan : Warna :
6. Warganegara : No. Sijil Kerakyatan :
7. Taraf Perkahwinan : Bil. Anak :
8. Alamat :
9. No. Telefon : Emel :

10. Tinggi : Berat :

KECACATAN : Anggota / Penglihatan / Pendengaran*

BUTIR- BUTIR IBU/ BAPA :

12. Nama Ibu : Tempat Lahir :

13. Nama Bapa : Tempat Lahir :

PENDIDIKAN :

14. Peperiksaan Bahasa Melayu

Kelulusan SPM/MCE

Tahun : Peringkat/ Gred : Ujian Lisan : Lulus/Gagal*

Kelulusan SRP/PMR/LCE

Tahun : Peringkat/ Gred : Ujian Lisan : Lulus/Gagal*

Bahasa Melayu yang setaraf :

Tahun : Peringkat/ Gred :

Jenis :

15. Kelayakan daripada Badan-badan Profesional dan Ikhtisas/Sijil

Badan Professional dan Ikhtisas / Sijil :

Tarikh menjadi Ahli / Sijil dikeluarkan :

16. Kelulusan Pengajian Tinggi (Ijazah / Diploma / Sijil yang diperolehi)

Universiti/Maktab/Sekolah	Tarikh Lulus	Kelayakan & Kelas	Pengkhususan (Bidang)	CGPA

PENGALAMAN BEKERJA:

17. Sila nyatakan jawatan yang pernah disandang (jika ada) :

Majikan (Nama & Alamat)	Jawatan	Tarikh mula / Akhir Khidmat	Gaji

BAKAT:

18. Kegiatan-kegiatan luar

Diperingkat Sekolah/Maktab/Universiti	Diperingkat Negeri	Diperingkat Kebangsaan

RUJUKAN:

19. Sila nyatakan nama, alamat dan pekerjaan bagi dua orang yang bukan bersaudara yang dapat memberikan perakuan ke atas prestasi kerja / kegiatan anda :

Rujukan Pertama	Rujukan Kedua
Nama :	Nama :
Alamat :	Alamat :
No. Telefon :	No. Telefon :
Jawatan :	Jawatan :

PERAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa :

- i) Maklumat yang diberikan adalah benar dan sekiranya maklumat itu didapati palsu, permohonan saya akan terbatal dan jika saya ditawarkan jawatan, perkhidmatan saya akan ditamatkan serta-merta
- ii) Saya pernah/tidak pernah* disabitkan atas tuduhan jenayah atau dihukum oleh mana-mana mahkamah
- iii) Saya bukan seorang penagih dadah/saya seorang atau bekas penagih dadah*
- iv) Saya pernah/tidak pernah* dibuang kerja oleh Kerajaan/ Badan-badan berkanun/kuasa-kuasa Tempatan

*Sila potong mana yang tidak berkenaan

Tarikh : _____

Tandatangan: _____

PERHATIAN

Sila muat naik borang ini dalam bentuk *pdf file* semasa mengisi borang *google form* di pautan yang diberi di dalam iklan, Perkara nombor 8 : Cara memohon.